

RABU, 7 SEPTEMBER 2016 @ 2:27 PM

## Saham KL ditutup tinggi pada akhir urus niaga pagi

KUALA LUMPUR: Bursa Malaysia mengatasi pembukaan yang rendah pada akhir dagangan pagi apabila ditutup tinggi, hasil sokongan belian ke atas saham wajaran tinggi terpilih, diketuai saham kewangan.

Pada rehat tengah hari, penanda aras FTSE Bursa Malaysia KLCI (FBM KLCI) mencatat 1,690.08, meningkat 0.16 mata berbanding 1,689.92 pada penutupan semalam.

Dibuka 9.57 mata lebih rendah pada 1,680.35, indeks tempatan bergerak antara 1,680.09 dan 1,691.41 sepanjang dagangan pagi.

Kaunter untung mengatasi kaunter rugi sebanyak 370 berbanding 297 manakala 343 kaunter tidak berubah, 660 tidak diniagakan dan 14 yang lain digantung. Jumlah dagangan sebanyak 874.17 juta saham bernilai RM648.60 juta.

Seorang peniaga berkata, dagangan tidak banyak berubah, dengan pelabur mengambil sikap berhati-hati menjelang mesyuarat dasar monetari Bank Negara Malaysia hari ini, dan pengumuman angka perdagangan luar Malaysia bagi Julai oleh Jabatan Perangkaan.

"Pelabur mungkin mengambil petunjuk daripada pengumuman itu untuk arah tuju pasaran selanjutnya," katanya.

Antara saham wajaran tinggi, Maybank untung empat sen kepada RM7.91 dan Public Bank menambah dua sen kepada RM19.92 TNB susut 10 sen kepada RM14.58, IHH susut satu sen kepada RM6.64 dan Petronas Chemicals merosot dua sen kepada RM6.69.

Saham yang paling aktif didagangkan pagi ini ialah Sanichi dan FGV warrant, yang masing-masing meningkat satu sen kepada 10 sen dan 20 sen, manakala Sanichi warrant dan M3 Technologies warrant masing-masing kekal pada 3.5 sen.

Indeks FBM Emas menokok 2.67 mata kepada 11,872.60 dan FBM Ace menambah 13.92 mata kepada 5,358.59.

Indeks FBM Emas Shariah susut 10.56 mata kepada 12,508.52, Indeks FBMT100 turun 1.02 mata kepada 11,579.57, manakala FBM 70 susut 8.88 mata kepada 13,715.43.

Mengikut sektor, Indeks Kewangan melonjak 45.28 mata kepada 14,558.22, Indeks Perusahaan turun 7.90 mata kepada 3,164.23 dan Indeks Perladangan susut 33.87 mata kepada 7,877.92. - BERNAMA

Selanjutnya di : <http://www.bharian.com.my/node/190572>